

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA
MENJAWAB PERTANYAAN MENGENAI RIDA OLEH
PIHAK PEMBANGKANG DI DEWAN RAKYAT PADA
11 NOVEMBER, 1965

Tuan Yang di-Pertua, saya suka, terutama sekali, mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-Undang yang ada di hadapan Dewan ini, termasuk jugalah Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang dan saya berasa sukacita mendengar sokongan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu¹ dan juga dari Tanjong².

I thought, Sir, the Honourable Member for Tanjong made the most sensible speech I have heard ever since he left the Alliance, and I suggest that if he continues to listen to us carefully he would make further progress.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan, pertama berkenaan dengan kedudukan RIDA. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mengatakan yang RIDA ini telah gagal dan tidak dapat menjalankan apa-apa kemajuan dan telah tidak berjaya. Saya telah sebutkan tadi bahawa RIDA ini sebenarnya ditubuhkan pada masa penjajahan dahulu. Jadi, mustahaklah pembentukan dan dasar RIDA itu ditukar, bahkan dasar RIDA telahpun ditukar pada masa Kerajaan mula-mula menubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dahulu. Pada masa dahulu RIDA dikehendaki menjalankan semua rancangan-rancangan untuk kemajuan rakyat di luar bandar, termasuklah pembinaan jalanraya-jalanraya, membuat jambatan dan sebagainya — pekerjaan-pekerjaan yang patut diperbuat oleh Kementerian-kementerian dan pejabat-pejabat yang lain.

Jadi, dengan tertubuhnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pekerjaan RIDA itu adalah dihadkan dan pekerjaan-pekerjaan yang patut dibuat oleh Kementerian-kementerian yang lain adalah diperbuat oleh Kementerian-kementerian yang lain dan RIDA hanyalah menjalankan tugas-tugas yang dihadkan kepada RIDA. Dan lagi seperti saya telah terangkan kepada Dewan ini dan juga kepada luar Dewan ini bahawa dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara dan luar bandar Kerajaan Perikatan, Kerajaan menjalankan rancangan-rancangan itu dengan mengadakan tingkatan-tingkatan. Tingkatan yang pertama ialah bagi Kerajaan mengadakan kemudahan-kemudahan

¹n. Tan Chee Koon.

²Dr. Lim Chong Eu.

kepada rakyat di luar bandar, seperti jalanraya-jalanraya, bekalan air, tempat berubat, sekolah-sekolah dan sebagainya. Kemudian daripada itu kita datang kepada tingkatan kedua iaitu Tingkatan Kerahan Tenaga Rakyat, dan kemudian daripada itu tingkatan yang ketiga, Kerajaan menolong mengadakan pasaran-pasaran kepada penduduk-penduduk luar bandar dan sekarang kita sampai kepada tingkatan yang keempat, iaitu tingkatan bagi Kerajaan menolong rakyat di luar bandar bagi membesar dan meluaskan mata pencarian mereka itu. Maka apabila sampai pada tingkatan ini, baharulah tugas RIDA yang sebenarnya dibetulkan dengan bentuk cara pentadbiran itu diperbaiki. Jadi, tidaklah benar seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli dari pihak Pembangkang mengatakan yang RIDA itu tidak membuat jasa kepada rakyat negeri ini, bahkan ada beberapa rancangan-rancangan yang telah dapat dijalankan oleh RIDA dan RIDA telah dapat meminjamkan wang lebih kurang \$25 juta kepada penduduk-penduduk diluar bandar. Begitu juga rancangan-rancangan perkhidmatan bas yang dijalankan oleh RIDA ada mendapat kejayaan. Berkenaan dengan rancangan-rancangan lain — perusahaan-perusahaan getah dan juga perusahaan-perusahaan tali sabut, rancangan-rancangan ini ialah pilot scheme iaitu rancangan-rancangan percubaan untuk memberi latihan kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Berkenaan dengan kilang-kilang getah, yang sebenarnya, RIDA menubuhkan kilang-kilang getah ini dengan tujuan supaya menolong rakyat di luar bandar iaitu pekebun-pekebun kecil supaya dapat menerima harga getah yang dikeluarkan oleh mereka itu dengan lebih tinggi lagi dan dengan adanya kilang-kilang itu, maka tujuan ini adalah berjaya. Akan tetapi RIDA tentulah tidak dapat hendak menjalankan kilang-kilang ini berpanjangan dan mustahaklah kilang-kilang ini diserahkan kepada penduduk tempatan untuk menjalankannya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak ada kemajuan-kemajuan dan jasa-jasa yang diperbuat oleh RIDA dan saya sukacita Ahli Yang Berhormat daripada Baling³ ada memberi pujian kepada pegawai-pegawai RIDA yang setengah-setengahnya adalah menjalankan perkhidmatan mereka itu dengan sangat memuaskan hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita mendengarkan berbagai-bagai tuduhan yang didatangkan oleh pihak wakil-wakil daripada Parti PAS. Pihak Parti PAS ini sentiasa tahu bercakap, tetapi satu pun pekerjaan tidak dapat dibuat! Apa pekerjaan-pekerjaan yang dibuat oleh Parti perikatan biasanya PAS aku perbuatan mereka itu. Jadi di Dewan ini, wakil-wakil PAS biasa bercakap banyak, menegur itu, menuduh ini, tetapi kita tahu apa yang berlaku di negeri Kelantan.

³En.Harunb. Abdullah.

Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh⁴ mengatakan yang Kerajaan Perikatan ini mengadakan MARA oleh sebab Kerajaan Perikatan telah gagal dalam usahanya hendak membaiki iktisad rakyat, jadi rakyat tidak berapa lama lagi akan memberi keputusan kepada Kerajaan Perikatan. Saya tidak tahu mana rakyat yang disebutkannya itu. Rakyat di Kelantan patut tahu apa jasanya Kerajaan PAS sudah capai selama enam tahun lebih memerintah negeri Kelantan. Begitu jugalah wakilnya dari Bachok⁵, wakil dari Kelantan Hilir⁶, ada menyebutkan mustahaklah diadakan tafsir "bumiputera", kalau tidak ada tafsir bumiputera tidak ada faedahlah menubuhkan MARA, menubuhkan Bank Bumiputera. Seperti kata Yang Berhormat wakil dari Kota Baharu Hilir tadi, apa guna kita adakan tafsir itu kalau di Negeri Kelantan beratus-ratus ekar tanah diberikan kepada orang yang bukan bumiputera. Saya tidak hendaklah sebut di sini yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Baharu Hilir tadi, 400,000 ekar telah diberikan kepada pemodal bangsa asing, bahkan ada banyak lagi, tanah-tanah iaitu lesen-lesen yang diberikan kepada pemodal-pemodal dari luar di negeri Kelantan itu.

⁴Dato' Mohamed Asri b. Hj. Muda.

⁵En. Abu Bakar bin Hamzah.

⁶Tuan Haji Ahmad bin Abdullah.